



KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
MALAYSIA

SIARAN MEDIA

**MALAYSIA MEMPERKUKUH SEKTOR AGRIKOMODITI SEBAGAI HAB
PENGELUARAN BAHAN API PENERBANGAN LESTARI (SAF)**

1. YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, Menteri Perladangan dan Komoditi telah merasmikan loji pengeluaran BioBahan Api Penerbangan Lestari (SAF) oleh EcoCeres. Loji pengeluaran SAF ini merupakan satu penanda aras baharu dalam usaha negara memperkasakan sektor agrikomoditi bernilai tinggi dan ekonomi hijau.
2. Kapasiti pengeluaran tahunan bagi loji ini adalah sebanyak 350,000 tan dan mampu menghasilkan SAF, minyak sayuran terhidrogenasi (HVO), dan Bionafta. Teknologi loji pengeluaran ini menggunakan 100% bahan mentah berasaskan sisa sawit seperti Minyak Masak Terpakai (UCO) dan minyak daripada Efluen Kilang Sawit (POME).
3. Pelaburan EcoCeres ini merupakan manifestasi keyakinan pelabur antarabangsa terhadap ekosistem perladangan dan komoditi di Malaysia. Penggunaan sisa industri sawit sebagai bahan mentah utama membuktikan bahawa industri sawit negara bukan sahaja mampan, malah mampu menjadi penyumbang utama kepada penyahkarbonan sektor penerbangan global.
4. Penubuhan loji ini adalah selaras dengan aspirasi Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) dan Dasar Agrikomoditi Negara 2030 (DAKN 2030) yang menekankan pembangunan ekonomi hijau. Selain menyumbang kepada pengurangan pelepasan gas rumah hijau, loji ini juga telah berjaya mewujudkan lebih daripada 300 peluang pekerjaan berkemahiran tinggi untuk rakyat tempatan.

5. KPK akan terus menyokong inisiatif yang memberi nilai tambah kepada biojisim sawit dan sisa agri-komoditi. Kerjasama strategik antara EcoCeres dengan rakan industri tempatan dan penerimaan pensijilan antarabangsa seperti International Sustainability and Carbon Certification (ISCC) membuktikan bahawa Malaysia bersedia menjadi peneraju hab biobahan api SAF di rantau ini.

6. Kementerian yakin bahawa fasiliti ini akan memacu pertumbuhan ekonomi negeri Johor serta memperkukuhkan kedudukan Malaysia dalam rantaian bekalan biobahan api lestari global.

KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
26 JANUARI 2026

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT | KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI



www.kpk.gov.my



Kementerian Perladangan dan Komoditi



mykomoditi

No. 15, Aras 8, Persiaran Perdana, Presint 2, 62654 Putrajaya, Malaysia.
Tel: 03-88803322 e-mel: ukk@kpk.gov.my